



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Mac 2023
27 Sya'ban 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Bot pukut tunda rosakkan bubu, unjam
Berita Harian	• UPM bantu perkasa industri akuakultur di Pahang
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Bot nelayan guna alat komunikasi tidak berdaftar • Dua pekerja sangkar ikan tanpa dokumen ditahan
The Star (Sunday Star)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			23	20.03.2023

UPM bantu perkasa industri akuakultur di Pahang



Roslan (kanan) ketika melepaskan ketam renjong sebagai projek rintis dengan SAS.
(Foto Nurul Ezzaty Mohd Azhari/BH)

Pekan: Selari dengan matlamat kerajaan untuk memastikan keterjaminan makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS) menandatangani memorandum persefahaman bersama Serandu Aquaponic System Sdn Bhd (SAS) bagi memperkasakan lagi industri akuakultur di Pahang.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman, berkata kerjasama itu juga akan merangkumi penyelidikan dan pembangunan inovasi dalam penternakan ketam renjong di dalam kolam plastik jenis HDPE lining.

Selain itu UPM turut terbabit dalam aktiviti pemantauan dan kawalan penyakit udang putih (*Penaeus vannamei*) di kolam

ternakan SAS.

"UPM juga akan memberi khidmat nasihat penternakan rumpai laut, latok untuk tujuan kultur secara meluas," katanya.

Tambah Roslan, kerjasama itu juga akan membabitkan penghasilan makanan akuakultur, pemantauan sistem ternakan secara internet benda.

Projek rintis penyelidikan

Dalam majlis sama, UPM turut menyumbangkan kira-kira 22,000 ekor ketam renjong dan ketam bunga (spesies *Portunus pelagicus*) sebagai projek perintis.

Penyelidik projek, Prof Madya Dr Murni Marlina Abd Karim, berkata ketam renjong ini digunakan sebagai projek rintis penyelidikan bagi menguji poten-

sinya ditenak di kolam HDPE lining.

"Sebelum ini ketam memang duduk di kolam tanah tetapi belum ada penyelidikan ketam renjong boleh hidup atau tidak dalam kolam HDPE lining, jadi kita hendak melihat potensi ini."

"Sekiranya penyelidikan ini menjadi kita akan pasarkan lagi benih ketam di peringkat lebih tinggi," katanya.

Katanya, kejayaan projek itu sangat signifikan bagi menambak lebih lagi pengeluaran hasil ternakan laut untuk dipasarkan kelak.

Malah tegasnya, I-AQUAS, sebelum ini sudah berjaya membuat pembenihan ketam renjong dan mendapat kerjasama dengan Jabatan Perikanan Malaysia.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			27	20.03.2023

Bot nelayan guna alat komunikasi tidak berdaftar

Tujuh alat itu tidak berdaftar dengan SKMM

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
LANGKAWI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kedah dan Perlis menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C pada jarak sekitar 9 batu nautika barat daya Pulau Singa di sini pada Sabtu.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Romli Mustafa berkata, bot nelayan pukat jerut itu ditahan pada jam 4 petang ketika sedang bergerak keluar dari pulau untuk menangkap ikan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati bot nelayan itu mempunyai tujuh alat komunikasi yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).



Maritim Malaysia menahan bot nelayan dan kru pada jarak sekitar 9 batu nautika barat daya Pulau Singa, Langkawi pada Sabtu.

"Pemeriksaan lanjut mendapati bot tersebut membawa seorang tekong bersama 24 kru warga Kemboja berusia lingkungan umur 21 hingga 49 tahun.

"Bot dan kesemua kru yang ditahan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Bukit Malut untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Akta SKMM 1998 kerana nelayan tidak mempunyai surat kebenaran menggunakan alat komunikasi.

Tambah Romli, kes turut disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana memiliki dokumen pengenalan diri kru warga asing yang meragukan.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			27	20.03.2023

Dua pekerja sangkar ikan tanpa dokumen ditahan

Sinar 20hb ms27
GEORGETOWN - Dua pekerja sangkar ikan warga Myanmar ditahan sepasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang kerana tiada dokumen pengenalan diri pada jam 1.45 petang, Jumaat.

Pengarah Maritim Malaysia Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, kedua-dua warga asing berusia 20 dan 30 tahun itu ditahan dalam Op Pertiwi pada kedudukan 1.5 batu nautika selatan Pulau Aman.

"Ketika serbuan, kedua-dua warga asing itu sedang melakukan kerja-kerja di sangkar ikan berkenaan. Mereka gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan permit kerja sah," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menurutnya, kedua-dua lelaki tersebut dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			35	20-03-2023

Bot pukat tunda rosakkan bubu, unjam

UM 16/3/2023

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediamulla.com.my

DUNGUN: Kira-kira 200 nelayan di Kuala Dungun mendakwa terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit selepas bubu dan unjam mereka dirosakkan bot pukat tunda yang menjaikan aktiviti menangkap ikan secara haram di pesisir pantai di sini.

Rata-rata nelayan yang ditemui mendakwa, bot pukat tunda milik nelayan tempatan yang dipercayai dari negeri lain itu dan dikendalikan kru warganegara asing semakin banyak beroperasi di kawasan pesisir pantai terutama ketika musim tengkujuh dan musim mencandat sotong.

Seorang nelayan, Wan Mohd. Nazri Wan Ali, 40, berkata, aktiviti pukat tunda yang mengaut hasil laut di kawasan pesisir pan-

tai itu bukan hanya merosakkan bubu dan unjam nelayan, malah merosakkan hasil laut termasuk ikan dan sotong bersaiz kecil.

"Pukat tunda sebenarnya diharamkan diguna di kawasan pesisir pantai dan hanya boleh beroperasi di laut dalam. Apabila pukat tunda lalu di kawasan pantai, habis semua anak-anak ikan pun diorang 'sapu bersih'.

"Nelayan pesisir pantai yang bot bersaiz kecil memang terjejas sebab bila dah ditunda hasil semua sekali, sumber ikan akan berkurangan, macam mana kami nak cari makan," katanya semalam.

Seorang lagi nelayan, Samsuri Ghani, 46, berkata, dia mengalami kerugian hampir RM30,000 tahun lalu selepas lebih 40 buah bubu miliknya dirosakkan nelayan pukat tunda.

"Kos nak buat bubu memang agak tinggi. Sebuah bubu, paling

kurang berharga RM200. Saya terpaksa cari modal lain untuk buat semula bubu.

"Saya harap pihak berkuasa pandang serius isu ini sebab bot pukat tunda tersebut menjejaskan nelayan bot kecil yang bergantung rezeki kepada hasil laut," katanya.

Sementara itu, Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid ketika dihubungi berkata, bot pukat tunda kelas B, C dan C2 hanya dibenarkan menjalankan aktiviti menangkap ikan pada jarak yang ditetapkan masing-masing iaitu tidak kurang dari-pada lima, 12 dan 30 batu nautika dari pesisir pantai.

"Kita pandang serius isu ini dan pihak Maritim Malaysia akan mempertingkatkan rondaan pada waktu malam memantau aktiviti yang didakwa ini," katanya.



WAN Mohd. Nazri Wan Ali menunjukkan sebahagian bubunya yang akan dibawa ke laut untuk menangkap ikan di Kuala Dungun, Dungun, Terengganu, semalam. -UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN